

10/11/1999

Wanita beri tumpuan kawasan gelap, kelabu

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Wanita Umno yakin kawasan yang dikategorikan `gelap dan kelabu' tidak mencatat sebarang peningkatan yang boleh menjejaskan peluang Barisan Nasional (BN) mencapai kemenangan majoriti dua pertiga pada pilihan raya akan datang.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata tumpuan diberi kepada kawasan terbabit berdasarkan kepada pengalaman pilihan raya pada 1995 dan 1990, serta pelbagai isu semasa yang timbul sejak akhir-akhir ini.

Beliau berkata, Wanita kerap melakukan `kerja pembersihan' dan susulan tetapi asasnya ia masih pada tahap boleh menjamin kemenangan majoriti dua pertiga, katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Wanita di sini, hari ini.

Tidak lama dulu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi arahan kepada Wanita supaya menggandakan usaha mendekati ahli di peringkat akar umbi, berikutan wanita adalah lebih 50 peratus daripada jumlah pengundi.

Siti Zaharah berkata, mesyuarat hari ini bersetuju membuat penekanan terhadap kawasan yang dikategorikan dengan memberi penerangan secara berkesan, terutama berkaitan isu mutakhir.

"Kita akan kesan kekuatan dan kelemahan kita di setiap kawasan pilihan raya. Kita akan memberi tumpuan kepada beberapa negeri dan memikirkan strategi secara bersama serta berpadu untuk memastikan jentera Wanita dengan bantuan Umno mendapat kejayaan berkesan," katanya.

Beliau bagaimanapun mengakui tidak boleh membuat andaian bahawa wanita langsung tidak akan memberi masalah kepada Barisan Nasional pada pilihan raya akan datang.

"Kita sudah senaraikan kawasan bermasalah dan input mengenai mereka, dan akan bawa kepada pucuk pimpinan," katanya.

(END)